



MEMO
JABATAN AUDIT DALAM NEGERI SABAH
SURAT PEKELILING JABATAN BIL.4/2025



22

TARIKH : 27 MAC 2025
KEPADA : SEMUA KAKITANGAN JADNS
PERKARA : TATACARA PERMOHONAN LATIHAN LUAR DI JABATAN AUDIT DALAM NEGERI SABAH

Tuan/Puan.

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan tatacara permohonan kursus bagi semua pegawai dan kakitangan seperti berikut:

I. Mendapatkan Borang Permohonan

Pegawai yang ingin memohon latihan luar perlu mendapatkan borang permohonan mengikuti program latihan luar (UPKK/BPPL5) daripada Pegawai Latihan di Bahagian Pentadbiran.

II. Kelulusan Ketua Bahagian/Unit

Borang yang telah diisi perlu dikemukakan kepada Ketua Bahagian atau Ketua Unit masing-masing untuk mendapatkan sokongan dan dikemukakan semula kepada Pegawai Latihan untuk mendapat kelulusan Pengarah.

III. Permohonan Kepada Penyedia Kursus

Setelah mendapat kelulusan, pemohon boleh mengemukakan permohonan rasmi kepada penyedia latihan yang berkenaan.

3. Selain itu, pegawai dan kakitangan yang menghadiri latihan luar juga dikehendaki untuk mengisi **Sistem Izin Hadir Seminar** sebagai sebahagian daripada pematuhan prosedur yang ditetapkan. Diharapkan semua pegawai dapat mematuhi prosedur ini bagi memastikan kelancaran proses permohonan latihan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Pegawai Latihan di Bahagian Pentadbiran.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ANNIS SYAZWANI BINTI ABU BAKAR NUSU)
Penolong Pengarah Kanan (Pentadbiran)

s.k. Pengarah - Arahan puan adalah dirujuk.

"SABAH MAJU JAYA"
"Audit Berkualiti dan Profesional"